

18/08/1997

(Laporan mingguan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang rendah minggu lalu, dijangka tidak banyak berubah minggu ini berikutan sokongan berterusan daripada institusi tempatan, berikutan kebimbangan terhadap kemudahruapan ringgit.

Penganalisis berkata, walaupun terdapat gesaan berulang kali terhadap institusi tempatan supaya memasuki semula pasaran yang dianggap murah dengan harga perolehan berganda 15 kali selepas jualan baru-baru ini, bagaimanapun masih tidak wajar bagi dana tempatan untuk melabur secara besar-besaran kerana terdapat kemungkinan penurunan itu akan berterusan.

Minggu lalu, Indeks Komposit turun ke paras rendah 885.22 sebelum pulih ke paras ketinggian 929.50. Ia ditutup 22.18 mata lebih rendah kepada 910.18.

Indeks Emas jatuh 8.0 mata kepada 261.99 dan Indeks Perusahaan pula susut 15.01 mata kepada 1,865.56.

Peniaga tukaran wang asing berkata, tiada pengesahan sebarang campuran tangan daripada Bank Negara untuk membendung serangan spekulasi itu, sekali gus mencerminkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia akan membiarkan tekanan pasaran menentukan paras ringgit/dolar Amerika sendiri.

Dr Mahathir ketika merasmikan bangunan baru BSKL di sini kelmarin, berkata: "Jika kita ingin kekal kukuh, pelabur tempatan mestilah menguasai dagangan bursa ini."

Bagi penyenaian baru, PPB Oil Palms, yang mempunyai harga tawaran saham permulaan RM2.80, ditutup minggu lalu pada RM2.87, General Soil dengan harga tawaran saham permulaan RM2.70, ditutup pada RM7.25 dan Ocean Capital dengan harga tawaran saham permulaan RM3.00, ditutup pada RM5.80.

Jumlah dagangan minggu lalu, di Papan Utama meningkat kepada 1.243 bilion saham bernilai RM5.624 bilion daripada 1.065 bilion saham bernilai RM7.430 bilion minggu lalu.

Di Papan Kedua pula, sebanyak 258.690 juta saham bernilai RM2.496 bilion bertukar tangan minggu lalu berbanding 186.816 juta saham bernilai RM1.938 bilion minggu sebelumnya.

Urus niaga luar pasaran berjumlah 149.683 juta saham bernilai RM895.446 juta daripada 149.936 juta saham bernilai RM1.338 bilion sebelumnya.

Mengikut sektor, Barangan Pengguna diniagakan sebanyak 57.655 juta saham, Barangan Perusahaan 148.103 juta saham, Pembinaan 167.507 juta saham, Dagangan/Perkhidmatan 271.515 juta, Kewangan 188.302 juta, Hotel 5.055 juta, Harta 222.967 juta, Perladangan 58.272 juta, Perlombongan 8.655 juta, Amanah 1.410 juta, Dana Tertutup 1.420 juta, Pinjaman 41.947 juta, Saham Hak/Waran 59.725 juta dan hak 3.802 juta. - Bernama

(END)